



Ruj. Kami : SPA.(S)KT/015/108/(12)
Tarikh : 11 Ogos 2020

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p.: Puan Noriza binti Kassim)

Puan,

**PEWAKILAN KUASA BAGI URUSAN PERTUKARAN KETUA PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (STOR) DI BAWAH KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KEPADA KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat KKM-61/(1941) Jld. 25 (43) bertarikh 17 Julai 2020 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia pada 10 Ogos 2020 telah **meluluskan** penawaran opsyen penetapan Ketua Perkhidmatan bagi 140 orang pegawai di Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Stor) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) daripada Ketua Setiausaha, KKM kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) pertukaran Ketua Perkhidmatan melalui opsyen kepada 140 orang pegawai di Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Stor) di KKM daripada Ketua Setiausaha, KKM kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam seperti di **Lampiran A**;
- (ii) tawaran opsyen berkuat kuasa **mulai 1.8.2020**;
- (iii) tempoh opsyen selama 30 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan; dan
- (iv) mewakilkan kuasa kepada Ketua Setiausaha, KKM untuk menawarkan opsyen.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya ini, Ketua Setiausaha, KKM hendaklah mengeluarkan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan, borang opsyen dan surat tawaran masing-masing seperti di **Lampiran B** dan **C** kepada pegawai yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(JOYCE EVELYN EJAUN)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ : 03-8091 9099
✉ : joyce@spa.gov.my

s.k.:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(u.p.: YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood)